

RISALAH MAKLUMAT

CARA BEKERJA DENGAN SELAMAT DI AUSTRALIA

Keselamatan merupakan sebahagian penting tatakara bekerja di Australia

Di Australia, undang-undang berkata bahawa majikan anda (bos anda) mesti melakukan segalanya sejauh mana yang mereka boleh untuk memastikan agar pekerjaan anda tidak akan mencederakan anda atau menyebabkan anda sakit. Undang-undang ini dikenali sebagai Kesihatan dan Keselamatan Kerja (Work Health and Safety) (WHS) atau Kesihatan dan Keselamatan dalam Kerjaya (Occupational Health and Safety) (OHS).

Undang-undang juga mengatakan bahawa bos anda mesti mempunyai insurans untuk anda jika anda tercedera di tempat kerja. Ini dikenali sebagai bayaran pampasan pekerja. Jika anda tercedera atau jatuh sakit di tempat kerja, insurans ini mungkin akan menampung rawatan perubatan anda dan gaji anda sehingga anda boleh bekerja kembali.

Ia meliputi semua pekerja di Australia, biarpun jika anda hanya memegang visa sementara.

Apa yang bos anda mesti lakukan

Bos anda mesti menjaga kesihatan dan keselamatan anda di tempat kerja.

Bos anda mesti:

- menunjukkan anda cara bagaimana untuk melakukan kerja anda dengan selamat atau memastikan agar ada orang yang akan menunjukkan anda cara bagaimana untuk melakukan kerja anda dengan selamat.
- memastikan agar ada orang yang akan menjaga anda
- tidak menyuruh anda untuk melakukan apa-apa yang memerlukan lesen tertentu, misalnya memandu kereta, kren atau jentera pengangkut, jika anda tidak memiliki lesen yang betul.
- mempunyai peralatan dan jentera bagi anda untuk melakukan kerja anda dengan selamat
- memberikan anda peralatan keselamatan jika anda memerlukannya untuk melakukan kerja anda.

Peralatan Keselamatan

Peralatan keselamatan kerja biasanya dikenali sebagai peralatan perlindungan peribadi (Personal Protective Equipment) (PPE). Terdapat beberapa jenis PPE khas bagi setiap kerja yang ada. Ia boleh mengambil rupa topi keledar, goggle pelindung mata atau kacamata keselamatan, sarung tangan, but, apron atau pelindung telinga.

Ia perlu berada di dalam keadaan baik dan sepatutnya selesai dan sesuai untuk diri anda. Anda perlu tahu cara bagaimana untuk menggunakannya dan anda perlu memakainya dengan betul.

Jika anda rasa anda memerlukan sesuatu peralatan tambahan, bincangkanlah dengan bos anda, seorang pekerja yang lebih berpengalaman atau dengan Wakil Kesihatan dan Keselamatan (Health and Safety Representative) (HSR) jika terdapat seorang wakil ini di tempat kerja anda.

Apa yang anda mesti lakukan untuk menjaga keselamatan anda di tempat kerja

Di Australia, undang-undang juga mengatakan bahawa terdapat beberapa perkara yang anda mesti lakukan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan diri anda sendiri di tempat kerja.

Anda mesti:

- cukup cergas untuk melakukan kerja anda
- cukup sihat untuk melakukan kerja anda
- melakukan apa yang disuruh bos anda selagi ianya merupakan permintaan yang wajar dan kecuali jika anda berfikir bahawa ianya tidak selamat atau berupaya untuk mencederakan anda
- tidak berada di bawah pengaruh minuman keras atau dadah atau mengambil minuman keras atau dadah yang diharamkan semasa di tempat kerja.
- tidak melakukan apa-apa yang berupaya untuk mencederakan diri anda atau sesiapa di tempat kerja.

Jika anda tidak faham cara bagaimana untuk melakukan apa-apa yang anda disuruh buat di tempat kerja, anda patut bertanya kepada bos anda atau kepada seorang pekerja yang lebih berpengalaman untuk membantu anda.

Berikut adalah beberapa perkara yang berupaya untuk mencederakan anda di tempat kerja:

- menggunakan peralatan bila tiada sesiapa yang telah mengajar anda terlebih dahulu cara bagaimana untuk menggunakannya dengan betul.
- tidak memakai peralatan keselamatan (PPE) yang betul atau tidak memakainya dengan cara yang betul
- bertindak secara terburu-buru atau mengambil jalan mudah untuk melakukannya
- melakukan sesuatu yang akan melalaikan perhatian anda daripada kerja yang anda sedang lakukan di tempat kerja (misalnya menggunakan telefon bimbit anda semasa anda sedang bekerja).

Di Australia, undang-undang berkata bahawa anda berhak untuk bertanya soalan mengenai kerja yang anda disuruh buat dan untuk menolaknya jika anda disuruh untuk melakukan sesuatu kerja yang berupaya untuk mencederakan anda. Jika anda disuruh untuk melakukan sesuatu yang anda fikir mungkin tidak selamat, berhenti dan bincangkanlah dengan bos atau penyelia anda.

Kadangkalanya, bos di tempat kerja anda bukannya orang yang membayar gaji anda, misalnya, jika anda bekerja melalui sebuah agensi pengambilan pekerja. Jika anda bekerja melalui sebuah agensi pengambilan pekerja, mereka akan membayar anda, tetapi ada orang lain yang menjadi ketua dan bertanggungjawab di tempat kerja anda. Jika anda tidak mahu berbincang dengan bos anda di tempat kerja, anda boleh berbincang dengan agensi pengambilan pekerja mengenai kesihatan dan keselamatan di tempat kerja anda.

Sepatutnya terdapat seorang individu di tempat kerja anda yang boleh membantu anda dengan sebarang soalan yang anda ada mengenai kesihatan dan keselamatan di tempat kerja - carilah orang ini dan dapatkan cara bagaimana anda boleh menghubungi mereka.

Jika anda berasa kurang yakin mengenai sesuatu, mintalah bantuan daripada orang lain.

RISALAH MAKLUMAT

CARA BEKERJA DENGAN SELAMAT DI AUSTRALIA

Hak anda untuk mendapat gaji dan keadaan yang saksama di tempat kerja

Di Australia, terdapat syarat-syarat minima bagi gaji dan keadaan di tempat kerja. Ombudsman Kerja Saksama (Fair Work Ombudsman) membantu para majikan dan pekerja untuk memahami hak-hak dan tanggungjawab di tempat kerja ini, mereka juga boleh membantu anda untuk mendapat tahu apakah gaji yang sepatutnya anda dibayar.

Pihak Ombudsman Kerja Saksama boleh menyiasat sesebuah kes jika mereka fikir bahawa ada sesiapa yang telah melanggar undang-undang tempat kerja.

Untuk menghubungi Ombudsman Kerja Saksama atau untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai hak-hak anda di tempat kerja, sila layari laman web www.fairwork.gov.au atau panggil 13 13 94.

Membuli

Membuli adalah tindakan mengatakan atau melakukan sesuatu secara berulang kali kepada seseorang yang akan menakutkan atau memalukan mereka. Ianya boleh mengambil rupa tindakan-tindakan seperti mentertawakan mereka, memanggil mereka dengan nama cemuhan, menolak mereka atau memecahkan barang kepunyaan mereka.

Tiada sesiapa yang sepatutnya dibuli di tempat kerja. Jika anda sedang dibuli, bercakaplah dengan bos anda atau seorang pekerja lain dan beritahulah mereka bahawa anda mahu ianya dihentikan.

Jika ianya tidak berhenti, anda boleh bercakap dengan seorang wakil kerajaan di dalam negeri atau wilayah tempat di mana anda sedang bekerja. Terdapat sebuah senarai untuk menghubungi mereka di hujung risalah maklumat ini. Anda juga boleh bercakap dengan Suruhanjaya Kerja Saksama (Fair Work Commission). Sila panggil 1300 799 675 atau layari www.fwc.gov.au

Apa yang anda patut lakukan jika anda tercedera di tempat kerja

Dapatkan bantuan kecemasan atau pergi terus untuk berjumpa dengan doktor atau jururawat dengan secepat mungkin. Anda berhak untuk memilih doktor yang anda ingin jumpa. Misalnya doktor anda sendiri, seorang doktor tempatan atau seorang doktor atau jururawat di tempat kerja anda. Anda boleh meminta doktor berkenaan untuk memberikan anda sijil cuti sakit dan anda boleh menunjukkan sijil ini kepada bos anda.

Beritahulah bos anda bahawa anda telah tercedera. Anda mungkin akan dikehendaki untuk mengisi sebuah borang yang dikenali sebagai sebuah laporan kejadian. Jika anda boleh, cuba melakukannya sebelum anda pulang ke rumah. Jika anda memerlukan bantuan untuk mengisi borang tersebut, mintalah orang lain untuk membantu anda. Borang berkenaan akan meminta anda untuk menjelaskan apakah yang telah terjadi dan bagaimana anda tercedera. Ia akan membantu untuk mengelakkan orang lain daripada tercedera seperti diri anda. ***Ianya amat mustahak untuk merekodkan hal ini - Ia mungkin akan mempengaruhi bayaran pampasan pekerja anda.***

Jika anda mempunyai bil-bil perubatan atau tidak boleh bekerja disebabkan kecederaan anda, anda mungkin boleh mendapat bayaran pampasan pekerja untuk membayar sokongan dan rawatan perubatan anda sehingga anda boleh bekerja kembali. Jangan lupa untuk bertanyakan hal ini kepada bos anda dengan secepat mungkin, dan isikan sebarang borang yang diperlukan bagi anda untuk memohon bayaran pampasan pekerja.

Jika anda tercedera, jangan berasa bimbang kerana anda takut anda akan menghadapi masalah nanti. Biarpun sekiranya anda telah melakukan sesuatu kesilapan, anda patut melaporkan kecederaan tersebut dan minta pertolongan.

RISALAH MAKLUMAT

CARA BEKERJA DENGAN SELAMAT DI AUSTRALIA

Senarai semak untuk memulakan kerja

Terdapat beberapa perkara penting yang sepatutnya berlaku apabila anda memulakan sebuah pekerjaan baru. Majikan (bos) anda atau seorang pekerja lain yang tahu mengenai kerja berkenaan patut memastikan agar perkara-perkara ini dibuat apabila anda memulakan sesebuah pekerjaan baru. Jika anda tidak memahami Bahasa Inggeris dengan baik, anda boleh memohon bantuan seorang jurubahasa atau bertanya kepada pekerja lain yang boleh bertutur bahasa anda untuk menerangkan hal tersebut kepada anda.

Senarai semak ini akan membantu anda untuk mengetahui sama ada anda tahu mengenai perkara yang penting bagi kesihatan dan keselamatan anda atau tidak.

Senarai semak untuk memulakan kerja

- | | | |
|--|----|-------|
| • Adakah anda sudah ditunjukkan oleh sesiapa cara bagaimana untuk melakukan kerja anda, dan adakah dia telah memeriksa anda untuk memastikan anda melakukannya dengan selamat? | Ya | Tidak |
| • Sudahkah anda bertemu dengan bos anda dan mereka yang akan bekerja dengan anda, khususnya mereka yang akan menjaga kesihatan dan keselamatan anda?..... | Ya | Tidak |
| • Adakah anda tahu siapa yang anda patut tanya jika anda tidak berasa pasti mengenai apa yang perlu dibuat atau sekiranya anda memerlukan pertolongan? | Ya | Tidak |
| • Sudahkah sesiapa membawakan anda untuk meninjau tempat di mana anda akan bekerja, dan menunjukkan anda tempat keluar dan masuk, bilik air, bilik makan dan kawasan-kawasan bantuan kecemasan?..... | Ya | Tidak |
| • Adakah anda sudah diberitahu mengenai sebarang tempat yang anda tidak patut masuki, dan mengapa?..... | Ya | Tidak |
| • Sudahkah sesiapa menunjukkan anda cara bagaimana untuk menggunakan peralatan yang anda perlukan untuk kerja anda, dengan selamat?..... | Ya | Tidak |
| • Sudahkah sesiapa memeriksa untuk memastikan bahawa anda sedang menggunakannya dengan betul?..... | Ya | Tidak |
| • Adakah anda mempunyai semua peralatan keselamatan yang anda perlukan? | Ya | Tidak |
| • Adakah anda tahu cara bagaimana untuk mengguna dan memakainya?..... | Ya | Tidak |
| • Adakah anda tahu apa yang anda perlu buat dan siapa yang anda perlu beritahu jika anda tercedera atau berasa sakit di tempat kerja, dan di mana anda boleh mendapatkan pertolongan dan bantuan kecemasan?..... | Ya | Tidak |
| • Adakah anda tahu cara bagaimana untuk memanggil bomba, polis atau ambulans? | Ya | Tidak |
| • Adakah anda tahu apa yang anda perlu buat jika berlakunya sebarang kecemasan, dan apakah bunyi penggera kecemasan tersebut?..... | Ya | Tidak |
| • Kerja anda jika berlakunya sebarang kecemasan?..... | Ya | Tidak |
| • Adakah anda tahu kepada siapa yang anda perlu bertanya mengenai kesihatan dan keselamatan anda?..... | Ya | Tidak |

Adakah anda menjawab 'Tidak' bagi-mana soalan tersebut? Jika ya, bincangkanlah dengan bos anda atau dengan seorang pekerja yang lebih berpengalaman untuk mendapatkan maklumat penting ini bagi keselamatan diri anda sendiri.

RISALAH MAKLUMAT CARA BEKERJA DENGAN SELAMAT DI AUSTRALIA

Jika anda berasa bimbang mengenai kesihatan dan keselamatan anda di tempat kerja, atau mengenai bayaran pampasan pekerja, anda boleh bercakap dengan seorang wakil kerajaan di dalam negeri atau wilayah tempat di mana anda sedang bekerja. Jika anda bekerja untuk sebuah agensi Kerajaan Persekutuan Australia, atau sebuah majikan kebangsaan yang besar, anda mungkin perlu menghubungi Comcare. Anda tidak akan menghadapi sebarang masalah sebagai akibat daripada perbincangan anda dengan pihak kerajaan mengenai kesihatan dan keselamatan di tempat kerja atau pampasan pekerja.

Untuk pertanyaan mengenai kesihatan dan keselamatan di tempat kerja, sila hubungi:

New South Wales

SafeWork NSW
Laman Web: safework.nsw.gov.au
E-Mel: contact@safework.nsw.gov.au
Telefon: 13 10 50

Victoria

WorkSafe Victoria
Laman Web: worksafe.vic.gov.au
E-Mel: info@worksafe.vic.gov.au
Telefon: 1800 136 089 (panggilan percuma)

Queensland

Workplace Health and Safety Queensland, Office of Industrial Relations (WHSQ)
Laman Web: worksafe.qld.gov.au
Telefon: 1300 362 128

Western Australia

Department of Mines, Industry Regulation and Safety
Laman Web: commerce.wa.gov.au/WorkSafe/
E-Mel: safety@dmirs.wa.gov.au
Telefon: 1300 307 877

South Australia

SafeWork SA
Laman Web: safework.sa.gov.au
E-Mel: help.safework@sa.gov.au
Telefon: 1300 366 255

Australian Capital Territory

WorkSafe ACT
Laman Web: worksafe.act.gov.au
E-Mel: worksafe@act.gov.au
Telefon: 13 22 81

Northern Territory

NT WorkSafe
Laman Web: worksafe.nt.gov.au
E-Mel: ntworksafe@nt.gov.au
Telefon: 1800 019 115

Tasmania

WorkSafe Tasmania
Laman Web: worksafe.tas.gov.au
E-Mel: wstinfo@justice.tas.gov.au
Telefon: 03 6166 4600 (dari luar Tasmania)
Telefon: 1300 366 322 (di dalam Tasmania)

Komanwel

Sesetengah pekerja dilindungi di bawah sebuah skim kesihatan dan keselamatan tempat kerja Komanwel. Jika anda bekerja untuk sebuah agensi Kerajaan Persekutuan Australia, atau sebuah majikan kebangsaan yang besar, anda mungkin tertakluk di bawah skim Comcare:

Comcare

Laman Web: comcare.gov.au
Telefon: 1300 366 979

Jika anda memerlukan khidmat seorang jurubahasa, sila hubungi Perkhidmatan Jurubahasa Telefon (Telephone Interpreter Service) pada 131 450

Untuk pertanyaan mengenai pampasan pekerja jika anda tercedera di tempat kerja, sila hubungi:

New South Wales

State Insurance Regulatory Authority (SIRA)
Laman Web: sira.nsw.gov.au
E-Mel: contact@sira.nsw.gov.au
Telefon: 13 10 50

Victoria

WorkSafe Victoria
Laman Web: worksafe.vic.gov.au
E-Mel: info@worksafe.vic.gov.au
Telefon: 1800 136 089 (panggilan percuma)

Queensland

WorkCover Queensland
Laman Web: worksafe.qld.gov.au
E-Mel: info@workcoverqld.com.au
Telefon: 1300 362 128

Western Australia

WorkCover WA
Laman Web: workcover.wa.gov.au
Telefon: 1300 794 744

South Australia

ReturnToWorkSA
Laman Web: rtwsa.com
E-Mel: info@rtwsa.com
Telefon: 13 18 55

Australian Capital Territory

WorkSafe ACT
Laman Web: worksafe.act.gov.au
Email: worksafe@act.gov.au
Telefon: 13 22 81

Northern Territory

NT WorkSafe
Laman Web: worksafe.nt.gov.au
E-Mel: datantworksafe@nt.gov.au
Telefon: 1800 250 713

Tasmania

WorkSafe Tasmania
Laman Web: worksafe.tas.gov.au
E-Mel: wstinfo@justice.tas.gov.au
Telefon: 03 6166 4600 (dari luar Tasmania)
Telefon: 1300 366 322 (di dalam Tasmania)

Komanwel

Sesetengah pekerja dilindungi di bawah sebuah skim kesihatan dan keselamatan tempat kerja Komanwel. Jika anda bekerja untuk sebuah agensi Kerajaan Persekutuan Australia, atau sebuah majikan kebangsaan yang besar, anda mungkin tertakluk di bawah skim Comcare:

Comcare

Laman Web: comcare.gov.au
Telefon: 1300 366 979

Untuk pertanyaan mengenai gaji dan hak-hak di tempat kerja

Fair Work Ombudsman
Laman Web: www.fairwork.gov.au
Telefon: 13 13 94

Untuk meminta pertolongan jika anda sedang dibuli

Fair Work Commission
Laman Web: www.fwc.gov.au
Telefon: 1300 799 675